

# Johor religious dept arrests 32 for alcohol consumption in New Year's raid

By Omar Ahmad January 2, 2026 @ 11:24am



All those detained face charges under Section 19 of the Johor Syariah Criminal Offences Enactment for consuming intoxicating drinks.  
NSTP/FILE PIC

JOHOR BARU: Thirty-two Muslims, including six Singaporeans, were detained for consuming alcohol during a New Year's Eve raid at an entertainment outlet yesterday.

The Johor Islamic Religious Department (JAINJ) said the 3.10am operation saw 25 men and seven women aged between 18 and 45 detained.

JAINJ said that most of those detained were visitors from other states and districts who were holidaying in the city.

In a statement, the department said that those detained were found seated at tables with alcoholic drinks in front of them.

During the raid, enforcement officers secured all entry and exit points of the outlet to prevent escape attempts.

All those detained face charges under Section 19 of the Johor Syariah Criminal Offences Enactment for consuming intoxicating drinks.

# Pinda Kanun Keseksaan hukum pelaku seks songsang

Oleh Prof Madya Datuk Muhamad Asri Abdullah - Disember 5, 2025 @ 9:59am  
bhrencana@bh.com.my



Foto hiasan.

Pasukan polis adalah agensi Persekutuan dan penguat kuasa undang-undang utama negara. Oleh itu, persoalan timbul berkaitan dengan punca kuasa dan kuasa pasukan polis untuk menguatkuasakan undang-undang jenayah syariah. Hal ini dipersoalkan kerana undang-undang syariah adalah urusan negeri.

Daripada peruntukan Perlembagaan, tiada halangan untuk pasukan polis menguatkuasakan jenayah syariah. Begitu juga dengan peruntukan Akta Polis. Walaupun tiada peruntukan khusus mengenai kuasa dan peranan polis untuk menguatkuasakan undang-undang jenayah syariah, Akta Polis mempunyai peruntukan umum dalam melaksanakan apa-apa kuasa diberikan undang-undang sah.

Bahkan jika diteliti dalam peruntukan Undang-Undang Prosedur Jenayah Syariah negeri didapati undang-undang berkenaan mempunyai peruntukan sangat jelas mengenai kuasa dan peranan polis dalam pelaksanaan undang-undang jenayah syariah.

Punca kuasa ini lebih jelas apabila dalam Undang-Undang Tatacara/ Prosedur Jenayah negeri memperuntukkan kuasa kepada polis membuat tangkapan, pemeriksaan, geledah dan sebagainya dalam kes jenayah syariah.

Persoalannya bolehkah polis bersendirian atau bersepadu dengan Pegawai Penguatkuasa Agama (PPA) untuk melaksanakan penguatkuasaan undang-undang dalam kes jenayah syariah seperti membuat operasi dan tangkapan.

Kedua, jika polis berpendapat kes ditangkap tidak boleh dikuatkuasakan atau didakwa kerana tidak memenuhi elemen undang-undang berkaitan seperti tangkapan dibuat mengikut Seksyen 377, Kanun Keseksaan kerana melakukan persetubuhan bertentangan aturan tabii tanpa kerelaan dan Seksyen 372 kerana menyalahguna mana-mana orang bagi tujuan persundalan.

Jika didapati tiada mangsa dalam kes itu atau dilakukan dengan kerelaan pihak masing-masing, bolehkah kes itu diserahkan kepada PPA atau kepada pihak Pendakwaan Mahkamah Syariah.

Di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan dan negeri, terdapat peruntukan bagi kesalahan berkaitan liwat. Contoh di Wilayah Persekutuan, 'Mana-mana lelaki melakukan liwat adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh didenda maksimum RM5,000 atau penjara maksimum tiga tahun atau tidak melebihi enam sebatan atau kombinasi semuanya'.

Sistem dualisme mahkamah di Malaysia menyediakan kolaborasi undang-undang jika kesalahan 'persetubuhan luar tabii' tidak boleh dibawa atau dituduh di Mahkamah Sivil, namun pelaku orang Islam, boleh dituduh di Mahkamah Syariah.

Kesalahan liwat dalam hukum syarak tidak membabitkan adanya unsur 'mangsa' iaitu jika kesalahan itu dilakukan dengan kerelaan masing-masing sekali pun ia tetap dikira salah.

**Penulis berpendapat definisi liwat dan persetubuhan luar tabii mengikut syariah dan sivil adalah berbeza. Ia boleh dirujuk seperti berikut:**

- i. Liwat - Persetubuhan antara sesama lelaki jika mengikut Seksyen 25 Akta Kesalahan Jenayah Syariah Wilayah Persekutuan. Akta ini mendefinisi 'liwat' sebagai perhubungan seks sesama lelaki.
- ii. Persetubuhan luar tabii (PLT) - Mana-mana orang melakukan hubungan seks dengan orang yang lain dengan memasukkan zakar ke dubur atau mulut seseorang... (Seksyen 377A Kanun Keseksaan).

Maka, apabila definisi berbeza, maka elemen perbuatan juga akan berbeza. Liwat hanya had kepada 'persetubuhan antara sesama lelaki'.

Dalam persetubuhan luar tabii, jika perbuatan itu spesifik kepada 'memasukkan zakar', seorang sahaja boleh didakwa, tetapi seorang lagi terlepas kerana merelakan dubur dimasuki zakar.

Bermakna, kedua-dua pihak boleh dituduh meliwat mengikut kesalahan syariah oleh sebab persetubuhan tidak boleh berlaku seorang diri dan liwat dikira sebagai 'victimless offence'. Berbeza di sisi jenayah sivil, hanya seorang sahaja boleh dituduh, tetapi 'mangsa' tidak boleh dituduh.

## **Cabaran besar pihak berkuasa**

Maka, dalam situasi tidak ada individu ditangkap itu membuat pengakuan, maka ia menjadi satu cabaran besar kepada pihak berkuasa untuk membuat siasatan dan pendakwaan.

Oleh itu peranan Mahkamah Syariah dan Mahkamah Sivil selama ini melengkap satu sama lain. Jika satu kes tidak boleh dibawa ke Mahkamah Sivil mungkin ia boleh dibawa ke Mahkamah Syariah dan sebaliknya.

Penghakiman Mahkamah Persekutuan dalam kes Iki Putra Mubarak dengan Kerajaan Selangor tentunya memberikan implikasi luas kepada kuasa Dewan Undangan Negeri (DUN) dalam meluluskan sesuatu enakmen berkaitan ajaran Islam.

Sementara kita menghormati keputusan Mahkamah Persekutuan menetapkan Seksyen 28 Enakmen Jenayah Syariah Negeri Selangor itu sebagai tidak berperlembagaan, ia tentu sekali mewujudkan rasa hiba dan kesedihan untuk pengamal undang-undang yang berhasrat memperkasakan dan mengarusperdanakan Undang-Undang Syariah dalam negara kita.

Namun, ratapan ini tidak boleh berterusan lama kerana ia adalah loceng amaran pihak berkuasa agama Islam negeri juga pada peringkat Persekutuan tidak boleh duduk selesa jika mahukan undang-undang syariah diperkasakan.

Penghakiman ini tidak hanya menjejaskan Enakmen Jenayah Syariah Selangor, tetapi juga Enakmen Jenayah Syariah negeri lain yang mempunyai peruntukan pari materia yang sama atau hampir sama.

Pada masa sama ia bukan alasan untuk pejuang hak asasi dan kebebasan meraikan penghakiman itu sebagai kemenangan di pihak mereka.

Penghakiman Mahkamah Persekutuan jika diteliti tidak memberikan hak atau kebebasan kepada mana-mana pihak untuk bebas mengamalkan ajaran seks songsang dalam mana-mana inci ruang negara kita. Ia tetap jenayah.

Mahkamah Persekutuan hanya menekankan kuasa kesalahan jenayah bagi seks luar tabii hendaklah kekal berada dalam lingkungan kuasa Parlimen kerana ia berada dalam Senarai Persekutuan sedangkan pihak berkuasa agama Islam bukan hanya di Selangor, tetapi ia dalam bidang kuasa mereka kerana ia suatu kesalahan dalam ajaran Islam.

Kesalahan jenayah seks luar tabii mengikut Kanun Keseksaan membawa hukuman berat kepada pesalah iaitu penjara 20 tahun penjara, denda dan sebatan sedangkan kesalahan mengikut Enakmen Jenayah Syariah hanya tiga tahun penjara tiga tahun, denda dan sebatan.

Oleh itu jadikan peristiwa maksiat dan keji yang berlaku secara terbuka dan berleluasa sebagai peringatan Allah SWT ke atas semua untuk mencegah dan membanteras sehingga akar umbi.


Bidang kuasa kes liwat harus dikembalikan kepada Mahkamah Syariah dan Seksyen 377 Kanun Keseksaan dipinda supaya setiap orang melakukan persetubuhan luar tabii di bawa kemuka pengadilan walaupun mereka melakukannya suka sama suka.

Ia akan memudahkan polis atau penguat kuasa mengambil tindakan dan pihak pendakwaan membawa pelaku ke muka pengadilan.

**Penulis adalah Bekas Ketua Hakim Syarie Perak dan Hakim Rayuan Syarie JKSM, Putrajaya**

## Hulu Langat residents lodge police report against 'Glamping With Pride' organisers

By **Muhamad Lokman Khairi** January 12, 2026 @ 10:24pm



HULU LANGAT: Residents from villages around the district lodged a police report today against the organisation of a camping programme alleged to promote deviant social behaviour, which is scheduled to take place here this weekend.

Ikatan Perpaduan Melayu Islam Hulu Langat (Ikatan) chairman Ahmad Fuad Abdul Rahman said the group strongly objected to the programme, which he described as insensitive to the area's Muslim-majority population.

"The organisation of this programme not only challenges social norms, but also constitutes an open insult to the sanctity of Islam and the dignity of the Malay community, which forms the core of the local population in Hulu Langat.

"Ikatan views this programme as an attempt to normalise deviant ideologies that are rejected by Islam, and as a threat to the moral values of the younger generation and the harmony of Islamic family institutions.

"This is also an attempt to turn Hulu Langat into a testing ground for deviant ideologies, and we are concerned similar programmes may be organised in the future," he said at a press conference after lodging the police report at the Batu 18 police station here today.

Ahmad Fuad called for the programme to be cancelled immediately.

He said Ikatan also urged the authorities to investigate the organisers and the premises owner for possible violations of civil and syariah laws.

"The authorities must issue an official statement banning any programme that promotes LGBT activities, particularly within the Hulu Langat area.

"Our stance is based on our responsibility to defend and uphold the dignity and sanctity of Islam and the Malay community, in line with the Federal Constitution, the law and the rights of the people," he said.

Previously, organisers of the 'Glamping With Pride' programme, scheduled to be held in Hulu Langat this weekend, said the event would proceed despite objections from various parties.

The programme is organised by a pro-LGBT group known as Jejaka and is described as a community-based retreat focusing on well-being, peer support and health awareness.

Kajang district police chief, Assistant Commissioner Naazron Abdul Yusof, had earlier warned that firm action would be taken against the organisers if the programme proceeds.

# Kaunselor eHati menangis di mahkamah, mengaku dedah anggota badan didenda RM4,000

Raja Noraina Raja Rahim - November 26, 2025 @ 2:48pm



SHAH ALAM: Kaunselor program motivasi rumah tangga eHati menangis ketika rayuan di Mahkamah Tinggi Syariah di sini, hari ini, atas kesalahan mendedahkan anggota badan sehingga menyebabkan agama Islam dipandang hina, September tahun lalu.

Siti Zaama Rizal Boss, 49, yang mengaku bersalah terhadap pertuduhan itu dijatuhi hukuman denda RM4,000 oleh Hakim Syarie, Dr Zainal Abidin Kusmin.

Mahkamah turut memerintahkan tertuduh dipenjara satu bulan, sekiranya gagal membayar denda berkenaan.

Semasa rayuannya, Siti Zaama memohon maaf dan menyedari kesilapan yang dilakukan namun mendakwa ia dilakukan kerana ingin membuang rasa malu serta rasa rendah diri.

"Saya ada masalah rumah tangga dan banyak trauma yang berat untuk saya tanggung. Saya mohon maaf dengan apa yang berlaku dan menjadi pengajaran yang jelas buat saya.

"Saya hanya mampu bayar denda RM500 kerana tidak bekerja dan suami juga tidak bekerja. Mohon mahkamah mempertimbangkan keadaan saya dan mengetepikan hukuman penjara," rayunya.

Mengikut pertuduhan, Siti Zaama didakwa menyebabkan agama Islam dipandang hina dengan cara mendedahkan anggota badan sehingga boleh dilihat orang lain yang dilarang oleh hukum syarak.

Perbuatan itu dilakukan dalam sebuah dewan di pusat konvensyen di Shah Alam di sini, antara jam 8 malam hingga 12 tengah malam pada 29 September tahun lalu.

Bagi kesalahan terbabit, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 10(a) Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM5,000 atau penjara sehingga tiga tahun atau kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan kes dikendalikan oleh Pendakwa Syarie Husaini Roslin manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Sementara itu, Dr Zainal Abidin berkata, sebagai orang Islam sewajarnya menjadi duta kepada agama dan menunjukkan sikap yang baik sebagai teladan kepada orang bukan beragama Islam.

"Islam itu sebagai 'pakaian' dan cara hidup kamu. Bukan secara zahir tetapi pelindung kamu.

"Walaupun anda sakit (masalah rumah tangga dan emosi). Namun, perhitungkan halal dan haram jangan dilanggar sahaja... Kamu aibkan diri sendiri," katanya.

Dalam prosiding sama, dua lagi tertuduh iaitu Bushra Mohd Zaki, 41; dan Munirah Hishamshah, 37, mengaku tidak bersalah atas pertuduhan sama.

Kedua-dua tertuduh yang masing-masing diwakili Peguam Syarie, Yusfa Hanis Yusoff dan Rezal Mazli Abdul Muin membuat pengakuan itu sebaik pertuduhan dibacakan secara berasingan.

Mereka didakwa melakukan kesalahan itu di lokasi sama, antara jam 2.30 petang hingga 6.30 petang pada 30 September tahun lalu.

Mahkamah kemudian membenarkan ikat jamin RM3,000 dengan penjamin warga tempatan bagi setiap tertuduh dan menetapkan perbicaraan kes pada 5 Mac 2026.